



DR Ishak (tiga dari kiri) menunjukkan dadah yang dirampas pada sidang media Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pengkalan Kubor. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Sorok 58kg ganja mampat dalam bungkusan 'bundle'

Tumpat: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan menggagalkan cubaan menyeludup 58.865 kilogram (kg) ganja mampat yang disembunyikan dalam bungkusan pakaian terpakai (*bundle*), di pekan Rantau Panjang, di sini, 25 Januari lalu.

Dalam serbuan jam 5.30 pagi itu, JKDM menemui ganja mampat berkenaan disorokkan dalam bungkusan pakaian terpakai di bahagian but sebuah kereta yang ditinggalkan di

kawasan parkir.

Timbalan Pengarah Kastam Negeri Bahagian Pengkastaman dan Cukai Dalam Negeri, Dr Ishak Ismail yang Menjalankan Tugas-Tugas (MTT) Pengarah Kastam negeri Kelantan berkata, serbuan itu dijalankan menerusi Operasi LYNX South-East Asia Phase 3 selepas intipan selama tiga minggu.

"Pasukan kami mengesan sebuah kereta Perodua Bezza yang ditinggalkan di kawasan parkir di

jalan utama pekan Rantau Panjang.

"Hasil pemeriksaan dengan bantuan anjing pengesanan dadah dari Unit Narkotik Cawangan Penguatkuasaan Rantau Panjang menemui 58.865 kg ganja mampat bernilai RM182,481.50.

"Dadah itu disembunyikan dalam pakaian terpakai di bahagian but dan siasatan lanjut mendapati kenderaan itu adalah kereta sewa," katanya di sini, semalam.